

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kuantiti penggunaan elektrik di Malaysia dalam tahun 2013 dengan pecahan kegunaan domestik, komersial, industri dan Kerajaan. Juga nyatakan amaun yang digunakan untuk lampu jalan biasa, lampu di luar bangunan Kerajaan dan oleh konsesi lebih raya – lebih raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Laporan Imbangan Tenaga Negara atau *National Energy Balance* (NEB) tahun 2013 menunjukkan bahawa jumlah penggunaan tenaga elektrik di Malaysia adalah berjumlah 123,076 GWj. Pecahan pengguna tenaga tersebut adalah seperti berikut:

Penggunaan Tenaga Elektrik Mengikut Sektor Tahun 2013

Sektor	Penggunaan elektrik	
	GWj	%
Perindustrian	55,886	45.4
Komersial	40,286	32.7
Domestik	24,854	20.2
Lampu Awam	1,434	1.2
Pertanian	375	0.3
Pengangkutan	241	0.2
Jumlah	123,076	100

2. Sektor industri merupakan pengguna terbesar dimana daripada 55,886 GWj yang digunakan, 16.5% daripadanya atau 9,215 GWj adalah kegunaan tenaga oleh pihak Kerajaan di Semenanjung. Ini menjadikan penggunaan elektrik pihak Kerajaan di Semenanjung sebanyak 7.5% berbanding jumlah keseluruhan penggunaan tenaga elektrik di Malaysia.

3. Secara umumnya, penentuan kategori tarif pengguna pada masa ini adalah ditetapkan berdasarkan aktiviti yang dijalankan di premis pengguna tersebut dan tahap voltan bekalan elektrik yang diambil oleh mereka. Ini bermaksud tarif elektrik adalah sama sekiranya pengguna tersebut menjalankan aktiviti yang sama serta mengambil bekalan pada paras voltan yang sama tidak kira sama ada akaun tersebut adalah akaun Kerajaan atau tidak.

4. Penggunaan elektrik bagi tujuan lampu jalan biasa dan lampu di luar bangunan Kerajaan dikategorikan di bawah lampu awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak mempunyai kategori tarif yang khusus bagi konsesi-konsesi lebuh raya. Sehubungan itu, lampu-lampu di lebuh raya adalah di bawah kategori tarif komersil.
